



ستياوسها كراجان نكري كلنتن  
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

Ruj. Kami: PKN.D.9-30/JLD.3( )

Bertarikh : 15 Syawal 1445H  
24 April 2024M

Ke majlis,

**Semua Ketua Jabatan Negeri**  
**Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**  
**Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri**  
**Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri**  
**Semua Ketua Bahagian / Unit, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**

YB Dato' / YBM Tengku / YABhg. Dato' / YM Tengku / Tuan / Puan,

**SUMBANGAN DANA AWAM TABUNG BENCANA BANJIR NEGERI KELANTAN**  
**BAGI PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Kerajaan Negeri Kelantan telah menubuhkan Akaun Amanah Tabung Bencana Banjir Negeri Kelantan bertujuan untuk memberi bantuan segera kepada mangsa-mangsa banjir termasuk kerja-kerja memperbaiki dan membina rumah yang musnah akibat banjir serta menyediakan kemudahan asas kepada mangsa banjir seperti bekalan air bersih, elektrik, makanan dan sebagainya.
3. Sehubungan itu, mohon kerjasama semua Ketua Jabatan untuk menghebahkan kepada pegawai dan kakitangan di Jabatan masing-masing berkenaan perkara ini bagi tujuan meningkatkan dana tabung melalui kaedah potongan gaji.
4. Bersama-sama ini disertakan Borang Kebenaran Potongan Gaji Bulanan bagi sumbangan Tabung Bencana Banjir Negeri Kelantan sebagaimana di lampiran untuk langkah lanjut pihak YB Dato' / YBM Tengku / YABhg. Dato' / YM Tengku / Tuan / Puan.
5. Segala perhatian dan kerjasama dari YB Dato' / YBM Tengku / YABhg. Dato' / YM Tengku / Tuan / Puan dalam menjayakan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**" ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT "**  
**" SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT "**

Dengan hormatnya,

  
**DATO' KAYA SETIA**  
**DATUK NAZRAN BIN MUHAMMAD, P.J.N., S.P.S.K. (Kelantan)**



**PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN**  
BLOK 4, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM  
15503 KOTA BHARU, KELANTAN  
TEL : 09-74811957  
FAX : 09-7487113

**BORANG KEBENARAN POTONGAN GAJI BULANAN**

NAMA PEMOHON	:			
ALAMAT TEMPAT TINGGAL/ SURAT MENYURAT	:			
TEMPAT BERTUGAS	:			
NO KAD PENGENALAN	:			
NO TEL. BIMBIT	:		NO TEL. PEJABAT	:
ALAMAT E-MEL	:			

**B. SILA TANDAKAN ( ) DI PETAK YANG BERKENAAN**

Saya bersetuju dan membenarkan gaji bulanan saya dipotong untuk sumbangan Tabung Bencana Banjir Negeri Kelantan mulai bulan \_\_\_\_\_ tahun \_\_\_\_\_ sebanyak RM \_\_\_\_\_ sebulan.

Amaun Potongan Gaji	Tandakan ( ) Jumlah Potongan Bulanan
RM5.00	
RM10.00	
RM15.00	
Lain-lain amaun (Sila Nyatakan) _____	

\_\_\_\_\_

TANDATANGAN PEMOHON

\_\_\_\_\_

TARIKH

**C. PENGESAHAN MAJIKAN (Jabatan Pembayar)**

Dengan ini disahkan bahawa butir-butir di atas diakui betul dan pemohon ini adalah kakitangan Jabatan ini.

Dengan ini permohonan beliau diluluskan.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pegawai : \_\_\_\_\_

Nama Majikan : \_\_\_\_\_

Alamat Majikan : \_\_\_\_\_

Cop Majikan:

**D. UNTUK KEGUNAAN UNIT GAJI JABATAN**

Kod Majikan

Tarikh Mula Potongan

Jumlah Sebulan

Tarikh Diproses
